



FAQ – PEMBERIAN INSENTIF (DISKAUN) SEMPENA SAMBUTAN PERDANA 50 TAHUN MARA

BAHAGIAN A: PEMBERIAN INSENTIF (DISKAUN)

MAKLUMAT AM

1. Soalan : Bilakah tawaran Pemberian Insentif (Diskaun) ini bermula?

Jawapan : Tempoh Pemberian Insentif (Diskaun) adalah mulai 7 April 2016 hingga 31 Disember 2016.

2. Soalan : Siapakah yang layak untuk mendapatkan Pemberian Insentif (Diskaun) ini?

Jawapan: Pemberian Insentif (Diskaun) kepada Peminjam Pinjaman Pelajaran MARA mengikut kategori peminjam seperti berikut:

KATEGORI PEMINJAM	STATUS PEMINJAM	KADAR INSENTIF (DISKAUN)
1	Tajaan tahun 2010 dan sebelumnya yang lulus pengajian tetapi tidak mendapat kemudahan Pengurangan Bayaran Balik (<i>Conversion</i>).	50% atas baki pinjaman dan ditambah 20% atas baki (selepas mengambilkira diskaun 50%)
2	Layak mendapat kemudahan Pengurangan Bayaran Balik termasuk mereka yang telah memperolehi Pengurangan Bayaran Balik (<i>Conversion</i>).	20% atas baki pinjaman
3	Tidak tamat pengajian	50% atas baki pinjaman

3. **Soalan : Bagaimana kaedah permohonan Pemberian Insentif (Diskaun) ini?**

Jawapan : Permohonan boleh dibuat secara online di portal MARA <http://insentif50.mara.gov.my>.

4. **Soalan : Berapa lamakah Proses Permohonan Pemberian Insentif (Diskaun) serta bagaimanakah semakan jawapan perlu dilakukan?**

Jawapan :Tempoh proses kelulusan mengikut kategori seperti di bawah:

KATEGORI PEMINJAM	TEMPOH KELULUSAN
1 dan 3	7 Hari Bekerja
2	14 Hari Bekerja

Peminjam boleh membuat semakan dan jumlah yang perlu dibayar secara sekaligus selepas tempoh kelulusan di Portal MARA atau melalui capaian <http://insentif50.mara.gov.my> iaitu capaian yang sama semasa permohonan.

5. **Soalan : Saya telah mendapat Surat Kelulusan Pemberian Insentif (Diskaun) daripada MARA. Berapa lamakah saya perlu buat bayaran?**

Jawapan : Peminjam perlu membuat bayaran secara sekali gus dalam tempoh 30 hari daripada tarikh surat kelulusan.

6. **Soalan : Dokumen apakah yang diperlukan semasa memohon Pemberian Insentif (Diskaun) ini?**

Jawapan : Peminjam perlu memuat naik dokumen mengikut kategori seperti di bawah:

KATEGORI PEMINJAM	JENIS DOKUMEN
1	Salinan skrol atau transkrip *
2	Salinan skrol dan transkrip*
3	Surat perakuan gagal atau tidak tamat pengajian

** Salinan dokumen perlu disahkan benar oleh Pegawai Kerajaan atau Badan Berkanun Kumpulan A dan B/Penghulu/Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK)/ Sidang/Jaksa Pendamai(JP)/Wakil Rakyat/Pegawai Dalam Perkhidmatan Perundangan dan Kehakiman seperti Majistret/Peguam*

7. **Soalan : Saya ingin membuat permohonan tetapi skrol dan transkrip saya tiada dalam simpanan, apakah tindakan saya selanjutnya?**

Jawapan : Sekiranya skrol dan transkrip tiada dalam simpanan, peminjam perlu mendapatkan salinan transkrip dan surat pengesahan tamat pengajian daripada Institusi Pengajian Tinggi (IPT) masing-masing.

CARA / KAEDAH BAYARAN

8. **Soalan : Saya telah menerima kelulusan untuk Pemberian Insentif (Diskaun) ini. Bagaimanakah kaedah pembayaran boleh dibuat?**

Jawapan : Bayaran balik sekaligus hendaklah dibuat secara tunai/deraf bank/cek bank di Kaunter Bayaran MARA, Pejabat Pos, BSN, BIMB dan Bank Rakyat serta melalui perbankan internet di bank-bank komersial tempatan yang terpilih.

i) Bayaran tunai di Kaunter Bayaran :

- a) Tingkat 3, Bahagian Kawalan Kredit, Ibu Pejabat MARA
- b) Tingkat 2, Kaunter Penerimaan, Ibu Pejabat MARA
- c) Pejabat MARA Negeri dan Daerah
- d) Pejabat Pos Berkomputer

ii) Kemudahan Perbankan :

BANK	KEMUDAHAN / PERKHIDMATAN	CARA BAYARAN
1) BIMB	Kaunter Bank	Lengkapkan Slip Bayaran untuk membuat bayaran.
	Perbankan Internet	http://www.bankislam.biz
	ATM	Daftar pengguna baru & buat bayaran melalui ATM
	SMS	Daftar pengguna baru & buat bayaran melalui SMS
2) Bank Rakyat	Kaunter Bank	Lengkapkan Slip Bayaran untuk membuat bayaran.
	Perbankan Internet	http://www.irakyat.com.my
	ATM	Daftar pengguna baru & buat bayaran melalui ATM
3) Maybank	Perbankan Internet	http://www.maybank2u.com.my
	Perbankan Internet melalui telefon mudahalih (M3G)	Set muat turun untuk mengaktifkan penggunaan perkhidmatan GPRS/3G. Setkan telefon mudahalih untuk penggunaan perbankan internet melalui telefon

		mudahaloh. Muat turun dan aktifkan M2U Mobile.
4) BSN	Kaunter Bank	Lengkapkan Slip Bayaran untuk membuat bayaran
5) Ambank	Perbankan Internet	http://www.ambg.com.my
6) CIMB	Perbankan Internet	http://www.cimbclicks.com.my
7) Public Bank	Perbankan Internet	http://www.pbebank.com.my
8) RHB	Perbankan Internet	http://www.rhbbank.com.my

** Sila layari www.mara.gov.my bagi semakan panduan bayaran secara online/di kaunter bank.

- iii) Cek/Bank Deraf/Kiriman Wang/Wang Pos
- iv) Arahan Bank (Standing Instruction)

Insentif (diskaun) yang diberikan tidak termasuk kos-kos lain yang terlibat seperti kos siaran akhbar, kos guaman dan kos mahkamah (jika ada).

9. Soalan : Bolehkah bayaran balik pinjaman dibuat secara ansuran?

Jawapan : Bayaran balik adalah secara sekaligus.

BAYARAN BALIK OLEH PEMINJAM BERADA DI LUAR NEGARA

10. Soalan : Saya menetap di luar Negara. Bagaimanakah cara bayaran balik boleh dibuat?

Jawapan : Bayaran balik secara sekaligus boleh dibuat seperti berikut :

Bil	Kaedah	Tindakan Pelajar	Kesan
1	Membuat Telegraphic Transfer (TT) terus ke akaun bank MARA di Bank Islam Malaysia Berhad Cawangan Medan MARA Nama akaun : Majlis Amanah Rakyat (Akaun Penerimaan) A/C NO. 14041010077772 SWIFT CODE: BIMBMYKL	Membuat Telegraphic Transfer di mana nilainya mengikut tukaran matawang asing. Pelajar perlu maklumkan maklumat bayaran kepada Urusan Penerimaan (husamiah@mara.gov.my) untuk diselaraskan ke lejer peminjam.	Amaun yang diterima oleh MARA mungkin tidak sama dengan amaun yang dihantar oleh pelajar disebabkan kadar tukaran wang asing dan caj bank.
2	Menghantar Deraf Bank kepada Unit Penerimaan, Bahagian Kewangan, Tingkat 2, Ibu Pejabat MARA, 21 Jalan Raja Laut, 50609 Kuala Lumpur.	Membuat Deraf Bank dan hantar melalui pos. Sila catatkan maklumat nama, no K/P dan no akaun pelajar di belakang deraf bank.	Amaun yang diterima oleh MARA mungkin tidak sama dengan amaun yang dihantar oleh pelajar disebabkan kadar tukaran wang asing dan caj bank.
3	Direct Debit/Perbankan Internet dari akaun bank di Malaysia	Mempunyai akaun bank di bank-bank di Malaysia yang mempunyai kemudahan perbankan internet dan usahasama dengan MARA iaitu Bank Islam, Bank Rakyat, Maybank, AmBank, CIMB Bank, Public Bank, BSN dan RHB Bank.	Tidak melibatkan kadar pertukaran matawang asing.

BAYARAN BALIK MELALUI KWSP (pilihan peminjam)

11. **Soalan : Bolehkah saya membayar pinjaman saya melalui potongan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) ?**

Jawapan : Boleh., dengan syarat baki akaun 2 KWSP adalah mencukupi dan dapat menampung baki hutang pinjaman pelajaran MARA yang perlu dibayar selepas mendapat Insentif (Diskaun). Walaubagaimanapun lanya tertakluk kepada terma dan syarat KWSP. Peminjam perlu menyertakan bukti pengesahan penerimaan daripada KWSP jika hendak membuat bayaran Pemberian Insentif (Diskaun).

BAYARAN BALIK MELALUI POTONGAN GAJI

12. **Soalan : Saya telah bekerja dan ingin membayar balik pinjaman melalui potongan gaji. Bagaimanakah caranya ?**

Jawapan : Bayaran balik adalah secara sekaligus.

BAYARAN BALIK MELALUI ARAHAN BANK

13. **Soalan : Saya bercadang untuk membuat bayaran balik melalui Arahan Bank. Apakah yang perlu saya lakukan ?**

Jawapan : Bayaran balik adalah secara sekaligus.

RESIT RASMI BAYARAN

14. **Soalan : Saya telah membuat bayaran melalui perbankan internet / kaunter bank tetapi kenapa tidak pernah menerima resit rasmi pembayaran ?**

Jawapan : Resit rasmi MARA tidak akan dikeluarkan sekiranya bayaran dibuat melalui perbankan internet, kaunter bank dan Pejabat Pos. Pengesahan Bayaran / Slip Bayaran adalah bukti pembayaran.

SEMAKAN BAYARAN

15. **Soalan : Saya telah membuat bayaran tetapi semakan melalui sistem ebaki MARA mendapati ia masih belum dikemaskini.**

Jawapan : Pengemaskinian di sistem ebaki MARA akan dibuat selepas tempoh 3-5 hari bekerja selepas pembayaran dibuat.

SURAT SAH SELESAI BAYARAN

16. **Soalan : Saya telah menjelaskan baki pinjaman. Adakah surat sah selesai bayaran akan dikeluarkan ?**

Jawapan : Surat Sah Selesai Bayaran akan dikeluarkan secara Janaan Komputer oleh Bahagian Kawalan Kredit MARA.

BAHAGIAN B: LAIN-LAIN

NOMBOR RASMI UNTUK DIHUBUNGI

17. **Soalan : Jika saya ingin menghubungi MARA, apakah nombor rasmi yang boleh hubungi?**

Jawapan : Anda boleh hubungi talian rasmi seperti berikut:

MARA CALL CENTRE

Talian Utama: 03-261 32000 / 35082 / 35084 / 35085 / 35086 / 35088

BAHAGIAN KAWALAN KREDIT MARA

03-261 32286 / 32399 / 32131 / 32288 / 32192 / 32133 / 32178